

UM 19 AUG 2001

Bekas guru Dr. Mahathir meninggal dunia

ALOR SETAR 18 Ogos — Bekas guru Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad di Sekolah Melayu Lelaki Seberang Perak, Omar Mohamad, 85, meninggal dunia di sini pada pukul 9.35 malam tadi akibat barah usus.

Allahyarham mempunyai ramai pelajar yang berjaya, termasuklah Dr. Mahathir dan tokoh

pendidikan, Tan Sri Awang Had Salleh dan pernah bertugas di beberapa sekolah rendah di sekitar Alor Setar, seperti Sekolah Melayu Sungai Korok di Jalan Pegawai, Sekolah Melayu Kepala Batas dan Sekolah Melayu Kanchut.

Selepas bersara pada 1971, Allahyarham menubuhkan tadika iaitu Tadika Pak Omar di

Surau Simpang Kuala sebelum berpindah ke Masjid al-Ghufran, dua tahun lalu.

Allahyarham meninggalkan seorang anak lelaki, Mohd. Razif dan seorang anak perempuan, Omairah serta 11 orang cucu.

Jenazah Allahyarham kebumikan hari ini.